

Headline	Alat pengimbas di hotel Haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	21	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,064
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,192



# Alat pengimbas di hotel

■ Kerajaan Arab Saudi sudah buat persiapan hadapi sebarang kemungkinan

**L**embaga Tabung Haji (TH) yakin kerajaan Arab Saudi sudah mengambil tindakan sewajarnya berhubung aspek keselamatan jemaah bagi musim haji tahun ini ekoran insiden letupan di luar Masjid Nabawi di sini, 4 Julai lalu.

Naib Konsul Haji Malaysia Mohd Zawawi Bostam berkata, selain itu pengurusan hotel yang bakal menjadi penginapan jemaah nanti turut menempatkan alat pengimbas keselamatan di hotel masing-masing dalam usaha memperkemas sistem pe-

mantauan tetamu hotel.

Beliau yang juga Pengarah Operasi Madinah bagi musim haji 2016 berkata, pihaknya sudah berbincang

perkara itu dengan penganjur tiga hotel di sini, yang akan diduduki jemaah haji bermula 4 Ogos ini.

"Alhamdulillah, minggu lepas saya berkesempatan membincangkan isu ini (keselamatan) dengan pihak hotel yang mana me-

reka sudah tempatkan alat pengimbas dan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil jika berlaku krisis, tempat berkumpul apabila berlaku kecemasan dan kita akan sampaikan maklumat ini kepada jemaah haji supaya mereka boleh ambil tindakan jika berlaku kecemasan.

"Pihak hotel mengambil maklum dengan penekanan kita terhadap aspek keselamatan dan kita akan berbincang lagi jika ada apa-apa maklumat tambahan yang boleh dikongsi dengan kita," katanya

dalam sidang media di Pejabat Hal Ehwal Jemaah Haji Malaysia di sini, malam kelmarin.



**Hotel penginapan jemaah turut sediakan alat pengimbas keselamatan**  
Mohd Zawawi Bostam